

# **PERSEPSI PEMIMPIN PELAJAR TERHADAP KOMUNIKASI KEPIMPINAN DI UNIVERSITI**

## ***PERCEPTIONS OF STUDENT LEADERSHIP ON LEADERSHIP COMMUNICATION IN THE UNIVERSITY***

**Joyce Cheah Lynn-Sze<sup>1</sup>**  
**Nurul Nadia Mohd Azmi<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Universiti Utara Malaysia

<sup>1</sup>[joycecheah@uum.edu.my](mailto:joycecheah@uum.edu.my)

**Accepted date:** 01-09-2018

**Published date:** 10-03-2019

**To cite this document:** Cheah, J. L. S., & Azmi, N. N. M. (2019). Persepsi Pemimpin Pelajar Terhadap Komunikasi Kepimpinan di Universiti. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (14), 01-08.

---

**Abstrak:** Kajian lepas telah banyak memberi pengetahuan tentang kesan kepimpinan terhadap konsep gaya komunikasi kepimpinan dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan. Namun, tidak banyak kajian yang dijalankan khusus dalam meneroka dan memahami gaya komunikasi kepimpinan dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan dalam golongan belia di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk meneroka gaya komunikasi kepimpinan dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan yang sering digunakan oleh pemimpin pelajar. Untuk mencapai matlamat tersebut, analisis kaedah temubual terhadap 15 orang pemimpin pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dilaksanakan. Hasil kajian mendapati tiga gaya komunikasi kepimpinan yang sering digunakan iaitu gaya kepimpinan karismatik, transaksional dan transformasional. Manakala ciri-ciri komunikasi kepimpinan mempunyai lima tema utama iaitu peramah, memahami, mengawal emosi, responsif dan tegas. Kajian ini dapat menambah pengetahuan kepada kajian kepimpinan belia terutamanya di Malaysia kerana kajian yang dilakukan pada komunikasi kepimpinan terhadap pemimpin pelajar masih terhad. Selain itu, kajian ini juga telah membangunkan satu rangka kerja yang menyeluruh bagi teori kepimpinan yang berteraskan gaya dan ciri komunikasi kepimpinan dalam konteks komunikasi kepimpinan di universiti.

**Kata Kunci:** Komunikasi Kepimpinan; Gaya Komunikasi Kepimpinan; Ciri-Ciri Komunikasi Kepimpinan; Pemimpin Pelajar

**Abstract:** Previous studies have provided valuable knowledge into the impact of leadership on leadership communication style and characteristics. However, not many studies conducted specifically in exploring and understanding the leadership communication style and characteristics among the youth in institutions of higher learning. Thus, this study aims to explore the leadership communication styles and characteristics of student leaders. To achieve this aim, in-depth interview with 15 student leaders of the Student Representative Council (MPP) at Universiti Utara Malaysia (UUM) was conducted. The findings revealed that three

*leadership styles are often used, such as charismatic, transactional and transformational leadership styles. While leadership communication characteristics have five main themes, which are friendly, understanding, manage to control emotions, responsive and firm. This study can add knowledge to youth leadership studies especially in Malaysia as studies conducted on leadership communication towards student leaders are still limited. Additionally, this study has also developed a holistic framework for leadership theories based on the style and characteristics of leadership communication in the context of leadership communication in the university.*

**Keywords:** Leadership Communication; Leadership Communication Style; Leadership Communication Characteristics; Student Leader

---

## Pengenalan

Dalam kepimpinan walaupun seseorang itu mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi agama, budaya, bahasa dan kepercayaan, seorang pemimpin harus mengurus tindak tanduk pengikutnya agar segala urusan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Kehebatan mengurus dalam diri seorang yang mengurus terserah apabila kepimpinannya dapat mempengaruhi pengikutnya dari segi komitmen, kepuasan, kreativiti, dan prestasi kerja dalam mencapai matlamat organisasi. (Amrozi, 2014; Ghumusluoglu & Ilsev, 2009; Khan et al., 2013; Thamrin, 2012). Ini merupakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh seorang pemimpin supaya pengikutnya bersama-sama menguruskan amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T. Tambahan pula, faktor seperti pertumbuhan global dan perbezaan generasi menjadikan kepimpinan akan terus mempunyai maksud yang berbeza bagi setiap orang (Nourhouse, 2013).

Golongan belia merupakan pemimpin masa depan yang memainkan peranan dalam membantu meningkatkan kemakmuran ekonomi negara. Belia yang sihat dan berwawasan dapat menghasilkan sumber intelek yang diperlukan untuk industri teknologi tinggi dan berdasarkan maklumat. Negara Malaysia telah memberi perhatian dalam pembangunan belia dan akan terus diberikan keutamaan oleh kerajaan Malaysia. Cabaran terbesar bagi mereka kini adalah untuk kekal relevan dan berkesan dalam persekitaran yang berubah-ubah, terutamanya keperluan untuk menyediakan belia kita dengan set kemahiran yang dibina berdasarkan prinsip Revolusi Perindustrian Keempat (IR4). Namun, satu perkara yang pasti ialah kemampuan negara untuk bertindak balas dan berjaya akan bergantung kepada gaya dan ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan membentuk dan memberi inspirasi kepada setiap aspek golongan belia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat gaya komunikasi kepimpinan dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan pemimpin pelajar di universiti.

## Kajian Literatur

### *Gaya Komunikasi Kepimpinan*

Gaya kepimpinan merupakan pola yang menyeluruh dari tindakan seorang pemimpin yang baik yang tampak mahupun yang tidak tampak (Rorimpandey, 2013). Gaya kepimpinan menggambarkan falsafah konsisten, keterampilan, sifat dan sikap yang mendasari perilaku seseorang. Gaya kepimpinan akan menunjukkan secara langsung tentang kepimpinan terhadap kemampuan orang bawahannya. Dengan kata lain, gaya kepimpinan adalah perilaku dan strategi sebagai hasil kombinasi dari falsafah, keterampilan, sifat, sikap yang sering diterapkan dari seseorang pemimpin ketika ia cuba mempengaruhi orang bawahannya (Rorimpandey, 2013).

Gaya kepimpinan telah mengalami perubahan dan perkembangan (Grossman & Sharf, 2018). Dalam era lama, gaya kepimpinan dinyatakan sebagai gaya kemampuan yang dimiliki oleh seseorang dalam mempengaruhi, memotivasi, menggerak dan mengarah individu lain untuk melakukan sesuatu. Dalam era baru pula, gaya kepimpinan diertikan dengan lebih meluas bukan sekadar kemampuan mempengaruhi tetapi kemampuan memberi inspirasi kepada orang lain agar mereka melaksanakan tindakan secara proaktif demi mencapai matlamat bersama dari segi visi dan misi organisasi.

### ***Ciri-Ciri Komunikasi Kepimpinan***

Mayfield, Mayfield dan Sharbrough (2015) menyatakan bahawa ciri-ciri komunikasi kepimpinan berhubungkait dengan kemahiran kepimpinan yang terdapat pada seorang pemimpin. Ciri-ciri tersebut termasuklah kemampuan untuk memberi inspirasi, dapat memberi motivasi dan dorongan dan menggunakan kuasa dengan cara yang bertanggungjawab.

Patterson (2003) telah membangunkan satu model kepimpinan yang menunjukkan ciri-ciri penting komunikasi kepimpinan iaitu kebaikan, kerendahan hati, pemurah, berwawasan, kepercayaan, memberi kuasa dan perkhidmatan. Kajian Spears (1998) pula menyenaraikan ciri-ciri kepimpinan iaitu mempunyai kemahiran mendengar, empati, kesedaran diri, meyakinkan, berpandangan jauh, mengawasi, komitmen membangunkan manusia dan membangunkan komuniti. Berdasarkan senarai ini, ciri-ciri kepimpinan yang berorientasikan pekerja adalah yang berkaitan dengan hubungan manusia. Pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan ini mempunyai komitmen untuk berkhidmat dan bekerjasama dengan pengikutnya demi mencapai matlamat bersama.

### ***Komunikasi Kepimpinan dalam Kalangan Pemimpin Pelajar***

Posner dan Rosenberger (1998) menyatakan bahawa amalan komunikasi kepimpinan memberi kesan kepada pelajar yang terlibat dengan aktiviti kepimpinan. Contohnya, pelajar yang mendapat ganjaran dalam melakukan kerja kepimpinan mempunyai gaya kepimpinan yang tidak bersistematik berbanding dengan pelajar yang menjalankan tanggungjawab kepimpinan secara sukarela. Mereka juga mendapati bahawa pemimpin pelajar yang bekerjasama dengan rakan-rakan akan dipilih oleh rakan-rakan untuk memegang jawatan rasmi dalam kumpulan.

Edington (1995) mendapati bahawa amalan komunikasi kepimpinan tidak berkaitan dengan jantina, bangsa, umur, status pelajar di universiti. Di samping itu, didapati bahawa pelajar tidak mengubah amalan komunikasi kepimpinan mereka apabila terlibat dalam projek kepimpinan satu kali berbanding projek atau program yang berlangsung selama setahun.

## **Kaedah Kajian**

### ***Tujuan***

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat komunikasi kepimpinan, khususnya gaya dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan daripada persepsi pemimpin pelajar. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah temubual secara mendalam untuk mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang persoalan kajian. Menurut Gubrium dan Holstein (2002), pengumpulan data melalui kaedah temubual adalah kaedah untuk mendapatkan data yang kaya dengan maklumat terutamanya tentang isu kepelbagaiannya bentuk budaya, aktiviti, situasi dan tempat. Selain itu, Bryman (2004) juga menyatakan pengumpulan data secara temubual dapat mengenalpasti faktor-faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan kepimpinan, contohnya dari segi perbezaan sifat dan budaya informan.

Penyelidik berminat untuk memahami pengalaman dan perspektif pelbagai individu secara mendalam. Justeru, kaedah temubual merupakan kaedah yang sesuai. Oleh itu, kajian ini dapat memberi dapatan yang baru, iaitu melalui perkataan, makna dan cara yang baru terhadap perspektif pemimpin pelajar dalam melihat gaya dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan.

### ***Informan Kajian***


Kajian ini menemubual 15 orang informan dalam mendapatkan maklumat daripada sesi temubual yang dikendalikan oleh penyelidik. Kesemua informan adalah pemimpin pelajar yang memegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Utara Malaysia. Para informan yang dipilih adalah berumur antara 19 hingga 24 tahun. Dalam usaha untuk mengumpul perspektif holistik terhadap komunikasi kepimpinan, informan yang dipilih mewakili ketiga-tiga bangsa utama di Malaysia, iaitu, Melayu, Cina dan India. Pelajar pemimpin ini dipilih mengikut kepelbagaian bangsa dan semester kerana dipercayai dapat memberi variasi maksimum yang menyumbang kepada pemahaman terhadap konsep komunikasi kepimpinan.

Melalui persampelan bertujuan (*(purposive sampling)*), sesuatu sampel tertentu dipilih dengan bertujuan kerana mempunyai ciri-ciri yang berupaya untuk membolehkan penyelidik mendapat maklumat yang banyak, terperinci, serta kefahaman yang mendalam tentang permasalahan dan persoalan yang dikaji (Creswell, 2013). Persampelan dilakukan dengan mengambil kira dua prinsip, iaitu: 1) semua sampel mampu memberi jawapan kepada perkara mengikut matlamat kajian, dan 2) dalam masa yang sama persampelan harus mengambil kira faktor kepelbagaian yang wujud bagi setiap sampel dengan harapan agar dapat memberi kesan yang pelbagai pada data yang diperoleh.

Kesemua temubual telah dilaksanakan pada bulan Mei 2017. Setiap sesi temubual dilaksanakan di antara 30 hingga 60 minit dengan menanyakan soalan-soalan yang dapat mencungkil pandangan informan daripada perspektif pemimpin pelajar terhadap komunikasi kepimpinan. Data temubual direkodkan, ditranskripsikan dan dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo11.

### **Dapatan Kajian**

#### ***Gaya Komunikasi Kepimpinan***



**Rajah 1: Gaya Komunikasi Kepimpinan**


Daripada analisis 15 transkripsi temubual, terdapat tiga gaya komunikasi kepimpinan yang berkaitan dengan pemimpin pelajar di Universiti Utara Malaysia, iaitu gaya kepimpinan karismatik, transaksional dan transformasional.

Kepimpinan karismatik ialah kemampuan untuk mempengaruhi pengikut bukan berdasarkan pada tradisi atau autoriti formal tetapi lebih pada persepsi pengikut bahawa pemimpin tersebut mempunyai bakat dan kekuatan yang luar biasa (Grossman & Sharf, 2018). Informan menyatakan bahawa pemimpin karismatik mempunyai tahap pengaruh yang tinggi terhadap pengikut dan secara luar biasa. Pemimpin pelajar dipandang tidak hanya sekadar pelajar, tetapi sebagai model atau idola pelajar..

Pemimpin transaksional menjanjikan ganjaran kepada pengikut jika berjaya mencapai satu tahap prestasi yang telah ditetapkan dalam jangka masa tertentu (Grossman & Sharf, 2018). Dalam aspek pemimpin pelajar, pemimpin pelajar memberikan ganjaran dari segi memberikan penghargaan serta pujian setelah berjaya melaksanakan program secara bersama-sama. Kepimpinan transaksional akan wujud apabila kuasa memainkan peranan penting. Kepimpinan transaksional jika dilihat dari sudut yang positif mempunyai *networking*. Ia sentiasa dikaitkan dengan kuasa kedudukan, status dan pengaruh yang datang dari kedudukan seseorang dalam hierarki (Schuster, 1994).

Manakala kepimpinan transformasional pula, kesan kepimpinan tidak sahaja menyebabkan pengikut memenuhi jangkaan prestasi tetapi dapat melepas prestasi yang dijangkakan itu (Grossman & Sharf, 2018). Para informan mendapati bahawa kumpulan yang bekerja di bawah kepimpinan transformasional yang tinggi cenderung menyelesaikan banyak masalah, mendapat sokongan, mencapai prestasi yang baik, dan memperoleh kepuasan berbanding bekerja di bawah tahap kepimpinan transformasional yang rendah.

### **Ciri-Ciri Komunikasi Kepimpinan**



**Rajah 2: Ciri-Ciri Komunikasi Kepimpinan**

Daripada analisis 15 transkripsi temubual, kenyataan penting telah dikenalpasti berkaitan dengan persoalan kajian iaitu, “Apakah ciri-ciri komunikasi kepimpinan yang sering digunakan oleh pemimpin pelajar UUM?”. Analisis data menggunakan perisian *Nvivo11* mendapati bahawa lima ciri komunikasi kepimpinan telah dikenalpasti sebagai tema dalam kajian ini. Ciri-ciri tersebut adalah peramah, memahami, mengawal emosi, responsif dan tegas.

Pemimpin pelajar yang mempunyai ciri komunikasi kepimpinan yang peramah cenderung dihormati, mendapat keyakinan dan kesetiaan daripada pengikut (Jamilah, Yahya & Siti Noor Ismail, 2016). Selain itu, pemimpin peramah dapat menghasilkan pengikut yang mempunyai semangat, kebanggaan dan kepercayaan dalam diri dan juga matlamat.

Selain itu, seramai lima belas informan menyatakan bahawa memahami orang lain adalah ciri komunikasi kepimpinan yang wajar digunakan semasa memimpin pengikut. Dalam konteks kajian ini, memahami orang lain ditakrifkan sebagai ciri komunikasi kepimpinan yang berbentuk dua hala (Mayfield, Mayfield & Sharbrough, 2015). Pemimpin seperti ini akan memahami perasaan pengikutnya dan biasanya menjadi pendengar yang baik sekiranya mereka mengalami masalah. Pemimpin jenis ini akan bersikap lebih terbuka ke atas pengikutnya kerana memahami perasaan pengikut.

Pemimpin pelajar yang bijak mengawal emosi dapat menarik perhatian pengikut ketika berkomunikasi dapat meninggalkan tanggapan yang baik dalam fikiran pengikut (Strong, Wynn, Irby & Lindner, 2013). Menurut salah seorang informan, kestabilan emosi bercirikan peribadi yang tegas, tidak mudah marah atau terganggu dan seimbang. Emosi yang stabil menunjukkan emosi yang tetap, tidak mengalami perubahan, atau tidak cepat terganggu meskipun dalam keadaan sedang menghadapi masalah.

Responsif pula dalam kajian ini menekankan aspek di mana pemimpin pelajar bersikap responsif terhadap masalah yang dikemukakan oleh pengikut. Hal ini demikian, segala masalah, aduan, pendapat disalurkan kepada pihak MPP UUM di terima baik oleh pemimpin pelajar dan mereka berusaha sedaya upaya membantu pengikutnya. Segala isu yang diadukan mereka cuba tangani dan sekiranya tidak mampu, isu tersebut akan dibawa ke pihak atasan untuk diselesaikan.

Dapatan kajian dapat melihat bahawa tegas bukan bererti keras. Pemimpin yang tegas bukanlah pemimpin yang marah tanpa sebab. Sikap tegas adalah sikap yang dapat mempertahankan pendapat, tetapi pada masa yang sama berfikiran terbuka di mana mereka tahu apa yang perlu dibezaikan dengan sikap angkuh dan tidak mahu mendengar pendapat orang lain (Strong, Wynn, Irby & Lindner, 2013). Para informan menyatakan bahawa untuk menjadi seorang pemimpin yang tegas mampu menyampaikan pendapat, tidak perlu meninggikan suara, tetapi dengan penekanan yang jelas, agar orang lain memahami apa yang kita ingin atau maksudkan.

### **Limitasi dan Kajian akan Datang**

Kajian ini memberi tumpuan kepada gaya dan ciri-ciri komunikasi kepimpinan pemimpin pelajar UUM. Oleh itu, kajian masa depan boleh diperluaskan dengan menganalisis secara kritis pemimpin yang lain selain pemimpin pelajar UUM untuk melihat jika model ini dapat digunakan untuk pemimpin yang mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi.

Selain itu, memandangkan kajian ini hanya melibatkan informan pemimpin pelajar dalam temubual secara mendalam, jika diambil sampel yang pelbagai pastinya akan meningkatkan lagi pemahaman terhadap gaya komunikasi kepimpinan. Apabila menimbulkan pandangan dan pengalaman pemimpin pelajar berhubung kepimpinan, sebarang generalisasi kepada pengikut perlu dibuat dengan lebih prihatin. Oleh kerana tafsiran kepimpinan dan gaya kepimpinan berbeza mengikut tempat dan situasi. Penyelidikan lanjutan boleh melibatkan tokoh kepimpinan yang lebih tinggi, contohnya, pemimpin politik untuk masa akan datang. Pemahaman gaya komunikasi kepimpinan dalam konteks tokoh pemimpin yang lain akan memberi manfaat kepada pemimpin di Malaysia. Juga dicadangkan penyelidik masa hadapan

agar membuat perbandingan untuk melihat bagaimana individu yang berbeza tahap pendidikan dan taraf kedudukan dalam kepimpinan dan mendefinisikan komunikasi kepimpinan.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dapat mengungkapkan tiga gaya komunikasi kepimpinan dan lima ciri-ciri komunikasi kepimpinan yang sering digunakan oleh pemimpin pelajar UUM. Selain memiliki gaya utama kepimpinan iaitu karismatik, transaksi dan transformasi. Pemimpin pelajar juga menekankan ciri-ciri komunikasi kepimpinan iaitu memahami, peramah, mengawal emosi, responsif dan tegas yang membantu mereka memimpin pelajar dengan baik. Malah kajian ini telah mendedahkan gaya komunikasi yang mempengaruhi pengikut terutamanya dalam membentuk sifat-sifat tingkahlaku yang baik dan kepercayaan dalam perhubungan. Penyelidik percaya bahawa pembentukan dan penggunaan ciri-ciri komunikasi kepimpinan merupakan faktor yang sering membezakan antara pemimpin yang berjaya dan tidak berjaya.

### Rujukan

- Amrozi, S. R (2014). *The Power of Rasullallah Leadership*. Al hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Aritz, J. & Walker, R. C. (2014). Leadership styles in multicultural groups: Americans and East Asians working together. *International Journal of Business Communication*. 51(1), 72–92.
- Cheah, J. L. S., Norhafezah Yusof & Mohd Khairie Ahmad (2014). The relevance of Confucian values to leadership communication. *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 30 (Special Issue), 129-144.
- Cheah, J. L. S., Norhafezah Yusof & Mohd Khairie Ahmad (2017). Tun Dr. Mahathir's Leadership Communication: The Confucian Perspective. *SHS Web of Conferences*. 33, 00060 (2017), i-COME'16. DOI: 10.1051/shsconf/20173300060.
- Cheah, J. L. S., & Mohd. Khairie bin Ahmad (2017). Confucian Value-Based Leadership Communication: A study on Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Journal Komunikasi Malaysia/Malaysian Journal of Communication*. 33(3), 140-156.
- Gumusluoglu, L. & Ilsev, A (2009). Transformational Leadership, Creativity and Organizational Innovation. *Journal of Business Research*, 62, 461-473.
- Grossman, G., & Sharf, R. (2018). Situational Judgment Tests and Transformational Leadership: An Examination of the Decisions, Leadership, and Experience in Undergraduate Leadership Development. *Journal of Leadership Education*. 114-131.
- Jamilah Man, Yahya Don & Siti Noor Ismail (2016) *Jurnal Kepimpinan Pendidikan: Kepimpinan Transfromasi dan Kualiti Guru Generasi Y*, Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.
- Karagianni, D. & Montgomery, A. J (2018). Developing leadership skills among adolescents and young adults: a review of leadership programmes. *International Journal of Adolescence and Youth*, 23(1), 86-98.
- Khan, Z, Khans, S. & Shahzad, S (2013). Moderating role of procedure justice and empowerment in transformational leadership with its impact on organizational commitment. *International review of management and Business Researcrh*, 2 (3), 847-852.
- Mayfield, J., Mayfield, M. & Sharbrough, W. C. (2015). Strategic vision and values in top leaders' communications: Motivating language at a higher level. *International Journal of Business Communication*, 52(1), 97–121.
- Ogurlu, U. & Emir, S. (2013). Development of Leadership Skills Scale for Students. *International Online Journal of Educational Sciences*, 5(3), 539-550

- Strong, R., Wynn, J. T., Irby, T. L., & Lindner, J. R. (2013). The relationship between Students' Leadership Style and Self-Directed Learning Level. *Journal of Agricultural Education*. 54(2), 174-185.
- Uma Sekaran (2003). Research Methods for Business: A Skill Building Approach. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Zaccaro, S. J., & Banks, D. J. (2001). Leadership, vision, and organizational effectiveness. In S.J. Zaccaro & R.J. Klimoski (Eds.). *The Nature of Organizational Leadership*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.181-218.